

Implikasi Dasar Kependudukan Negara

Menurut Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), jumlah penduduk di negara ini hingga tahun 2016 ialah 31.7 juta orang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 68.6 peratus ialah bumiputera, 23.4 peratus berbangsa Cina, 7.0 peratus berbangsa India, dan bangsa lain 1.0 peratus.

MOHAMMAD SYAHIR LUQMAN MD. SAID



Pusat tumpuan ekonomi antara faktor pertambahan jumlah penduduk di sesebuah kawasan.

Antara negeri yang mempunyai jumlah penduduk tertinggi termasuklah Selangor (5 462 000), Johor (3 348 000) dan Sabah (3 206 000 orang). Daripada jumlah 31.7 juta orang, kadar pengangguran pula sekitar 3.3 peratus, iaitu sebanyak lima juta orang yang tidak bekerja. Kebanyakan rakyat Malaysia menganggap bahawa faktor tertentu mempengaruhi pengangguran di Malaysia, seperti terlalu memilih pekerjaan, pekerjaan didominasi pekerja asing dan situasi ekonomi semasa. Namun demikian, pertambahan mendadak jumlah penduduk juga akan mendatangkan masalah pada kemudian hari.

Pertambahan atau lebih penduduk bermaksud bilangan penduduk di sesebuah negara melebihi jumlah sumber alam yang dimiliki. Terdapat dua jenis lebih penduduk, iaitu lebih penduduk mutlak dan lebih penduduk relatif. Lebih penduduk mutlak bermaksud sumber alam yang dimiliki sudah habis digunakan atau dieksploitasi, manakala lebih penduduk relatif pula

membawa maksud bahawa sumber alam yang ada masih belum diteroka sepenuhnya.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan jumlah penduduk bertambah di sesebuah negara. Faktor kecanggihan perubahan dan kesihatan moden menyebabkan kualiti hidup seseorang semakin meningkat. Jika dahulu akses perubahan amat sukar didapati dan membawa penyakit serta kematian, kini jangka hayat seseorang mampu meningkat hingga 70 tahun atau 80 tahun. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan jumlah orang tua di negara ini turut bertambah.

Selain itu, tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan rakyat turut menyumbang kepada peningkatan jumlah penduduk. Kurangnya pendidikan, terutamanya golongan wanita, menyebabkan kebanyakan mereka berkahwin pada usia muda lantas mempunyai jumlah anak yang begitu banyak.

Migrasi juga mampu meningkatkan jumlah penduduk secara mendadak. Hal ini dikatakan demikian kerana potensi ekonomi terdapat di sesebuah kawasan, seperti Lembah Klang. Potensi ekonomi di kawasan tersebut mampu mendatangkan keuntungan kepada penduduk berhampiran, seperti peluang pekerjaan, perniagaan dan hiburan.

Jika dilihat, pertambahan penduduk dalam negara mempunyai kelebihan yang tertentu. Negara yang mempunyai jumlah penduduk yang banyak dapat menguatkan pertahanan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana populasi rakyat yang berlipat kali ganda dapat diserapkan dalam angkatan tentera dan pasukan polis, seterusnya menjamin keamanan serta ketenteraman negara. Indonesia, sebagai contohnya, mempunyai 395 500 anggota tentera yang aktif dalam perkhidmatan tentera darat, laut, udara dan marin. Pertambahan penduduk juga mampu menghasilkan ekonomi yang mapan.

Pelbagai perkhidmatan dan barangan disediakan untuk memenuhi permintaan penduduk dari semasa ke semasa dan akhirnya, pertumbuhan ekonomi akan melonjak naik kerana banyaknya syarikat perniagaan yang ditubuhkan. Tambahan pula, jumlah rakyat yang begitu banyak dapat membekalkan tenaga buruh yang cukup kepada negara tersebut, khususnya dalam sektor pembinaan dan pekerjaan lain. Negara tersebut tidak perlu mengimport tenaga kerja asing, bahkan mampu menghantar tenaga kerjanya ke luar negara untuk berkhidmat di negara lain. Dalam hal ini, tenaga buruh yang banyak menjadi aset atau modal insan kepada negara.

Walau bagaimanapun, kelebihan pertambahan penduduk tidak semestinya dapat dinikmati oleh setiap negara. Jika tiada kawalan, kelebihan ini akan bertukar menjadi beban yang perlu ditanggung oleh kerajaan. Jumlah penduduk yang banyak tidak semestinya dapat diserapkan dalam pasukan keselamatan. Hal ini dikatakan demikian kerana wujudnya kuota tertentu dalam perkhidmatan tentera dan polis, sebagai contoh. Sekalipun rakyat yang menepati syarat dapat menyertai perkhidmatan anggota keselamatan, belum tentu kerajaan sesebuah negara dapat menampung kos pembayaran gaji dan kemudahan lain.

Untuk memiliki angkatan tentera yang besar, negara memerlukan perbelanjaan bagi membiayai pembangunan dan pengurusan, seperti pembelian kelengkapan senjata, gaji, kos pentadbiran, kesihatan dan perumahan. Hal ini sudah tentu membebankan kemampuan kewangan negara tersebut. Dari sudut yang lain pula, pertambahan penduduk memerlukan keperluan hidup yang cukup di sesebuah kawasan, seperti elektrik, air, makanan, perumahan dan peluang pekerjaan.

Tidak semestinya pertambahan penduduk dapat menghasilkan ekonomi yang mapan, bahkan perkara sebaliknya boleh berlaku. Isu ini perlu diteliti dengan sebaik-baik mungkin oleh kerajaan supaya keperluan rakyat perlu cukup sebelum dasar pertambahan penduduk dilaksanakan.

Pertambahan penduduk juga menyebabkan kadar pengangguran meningkat secara tiba-tiba. Hal ini dikatakan demikian kerana kadangkala peluang pekerjaan yang disediakan kepada rakyat tidak menepati cita rasa serta minat, apatah lagi jika pekerjaan tersebut tergolong dalam kategori berat, kotor dan bahaya. Penduduk tempatan yang memilih kerja dan mengabaikan peluang pekerjaan sebegini akhirnya menyebabkan syarikat pembinaan dan perkilangan mengimport tenaga kerja asing untuk memastikan urusan perniagaan berjalan dengan lancar.

Dasar Kependudukan Negara yang diasaskan pada tahun 1982 oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, menyasarkan jumlah penduduk 70 juta orang menjelang tahun 2100. Rasional dasar ini adalah untuk menyediakan asas permintaan pasaran serta keluaran bagi industri tempatan. Hal ini kemudiannya mewujudkan persaingan dalam kalangan industri tempatan, seterusnya meningkatkan daya produktiviti untuk pasaran eksport. Walau bagaimanapun, keadaan ekonomi semasa yang kurang memberangsangkan boleh menjejaskan perancangan dasar ini.

Umur persaraan penjawat awam yang dilanjutkan sehingga 60 tahun menyebabkan berlaku lebih banyak implikasi terhadap Dasar Kependudukan Negara. Hal ini dikatakan demikian kerana berlaku kekurangan kekosongan dalam sektor kerajaan disebabkan masih banyak pekerja veteran yang berkhidmat. Akhirnya, situasi ini menyebabkan graduan muda lulusan universiti dan kolej tidak dapat memohon jawatan dalam sektor kerajaan.

Faktor ekonomi yang merudum pula menyebabkan sektor swasta gulung tikar dan ada yang terpaksa membuang pekerja demi kelangsungan hidup syarikat. Kedua-dua situasi yang berlaku ini menjadi punca pengangguran yang agak ketara di Malaysia pada masa ini. Faktor bekerja sendiri pula tidak semestinya menjadi penyelesaian kepada masalah ini. Sebagai contohnya, perniagaan yang diasaskan masih memerlukan modal dan adakah perniagaan itu dapat memberikan keuntungan kepada pemilikinya? Ketiga-tiga pilihan pekerjaan, iaitu sektor kerajaan, swasta dan kerja sendiri, ternyata masih belum dapat menjanjikan masa hadapan yang cerah kepada generasi muda.

Kerajaan perlu memikirkan kesan jangka panjang tentang Dasar Kependudukan Negara. Dasar ini tidak relevan dengan situasi sekarang dan perlu diubah suai supaya kesan negatifnya dapat dielakkan. Sememangnya bilangan rakyat yang banyak merupakan aset negara, namun memakan masa yang lama untuk melihat hasilnya. Seharusnya kualiti rakyat yang perlu diutamakan dan bukannya kuantiti supaya rakyat benar-benar menjadi modal insan yang sukar ditukar ganti serta bukannya beban semata-mata. 